

Malay A: literature – Higher level – Paper 2
Malais A : littérature – Niveau supérieur – Épreuve 2
Malayo A: literatura – Nivel superior – Prueba 2

Thursday 5 May 2016 (afternoon)

Jeudi 5 mai 2016 (après-midi)

Jueves 5 de mayo de 2016 (tarde)

2 hours / 2 heures / 2 horas

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the part 3 works you have studied and compare and contrast these works in response to the question. Answers which are not based on a discussion of at least two part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is **[25 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. En basant votre réponse sur au moins deux des œuvres de la troisième partie que vous avez étudiées, vous devez comparer et opposer ces œuvres dans le cadre du sujet. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la troisième partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à apporter des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[25 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Conteste una sola pregunta de redacción. Base su respuesta en al menos dos de las obras estudiadas de la parte 3, comparándolas y contrastándolas en relación con la pregunta. Las respuestas que no se basen en al menos dos obras de la parte 3 no recibirán una puntuación alta.
- No está permitido traer copias de las obras estudiadas a la sala de examen.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[25 puntos]**.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada **sekurang-kurangnya dua** daripada karya-karya bahagian 3 yang anda kaji serta **bandingkan** karya-karya itu dalam menjawab soalan. Jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan tentang dua karya bahagian 3, **tidak** akan mendapat markah tinggi.

Cerpen

1. Bincangkan penggunaan unsur kejutan dan bagaimana ia memberi kesan kepada pembaca, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
2. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan keberkesanan teknik-teknik yang dilakukan pengarang untuk mengembangkan watak dalam batas ruang cerpen yang terhad.
3. “Tujuan menulis sesebuah cerpen adalah untuk tidak ‘berkata’ apa-apa, tidak juga untuk membuat cerita yang boleh dipercayai. Ianya semata-mata untuk menghasilkan karya seni yang menyeronokkan.” Bincangkan kenyataan ini berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.

Drama

4. Bagaimanakah pengarang drama cuba mengkhususkan pengucapan untuk menyampaikan sikap dan pemikiran watak? Dalam jawapan anda sila rujuk kepada sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
5. Umumnya drama Melayu lebih bergantung kepada aspek bahasa daripada kesan-kesan visual untuk menyampaikan mesej dengan berkesan. Bincangkan sejauh mana ia benar berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
6. Pengarang seringkali mengkritik isu-isu dan masalah dalam masyarakatnya melalui drama. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan pendekatan sastera yang digunakan dan sejauh manakah ia berkesan.

Novel

7. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang mengolah dengan berkesan impak pendidikan atau kekurangan pendidikan dalam kehidupan watak-watak.
8. Sebutkan dan huraikan bagaimana persekitaran alam dan budaya mempengaruhi pemikiran dan perlakuan beberapa watak dalam sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan kepentingan dan keberkesanan bahagian permulaan sesebuah novel dalam hubungannya dengan perkembangan cerita.

Puisi

10. Berdasarkan karya-karya oleh sekurang-kurangnya dua pengarang yang anda kaji, bincangkan sejauh manakah puisi Melayu moden masih dipengaruhi ciri-ciri tradisional dari segi struktur, diksi dan unsur bunyi.
11. Bandingkan teknik pengarang-pengarang yang berlainan untuk mengemukakan persoalan agama dan moral. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan karya-karya oleh sekurang-kurangnya dua pengarang yang anda kaji.
12. Berdasarkan karya-karya oleh sekurang-kurangnya dua pengarang yang anda kaji, bincangkan cara-cara dan kesan penyajak menampilkan diri mereka dalam karya masing-masing.

Prosa Tradisional

13. Bincangkan kepentingan dan fungsi mantera dan/atau sumpahan, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
 14. Prosa tradisional sering kali memaparkan perwatakan yang unggul bagi watak-watak protagonis. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan teknik pemaparan pengarang dan kesannya.
 15. Berikan huraian dan ulasan tentang penggunaan metafora untuk mendalami lagi erti penceritaan, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
-